



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
24 SEPTEMBER 2019 (SELASA)

AKHBAR

MUKA SURAT

Sinar Harian

- KPKT Lancar Rangka Kerja Bandar Pintar Malaysia 7

Berita Harian

- Rangka Kerja Bandar Pintar Selaraskan Pembangunan :PM 2
- Panduan PBT Urus Bandar 3
- Gantung Lesen Peniaga Pasar Malam 3



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
 MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
 PANDAN INDAH, SELANGOR,
 55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
24 SEPTEMBER 2019 (SELASA)

Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	KPKT Lancar Rangka Bandar Pintar Malaysia
Muka Surat	7

KPKT lancar Rangka Kerja Bandar Pintar Malaysia

84 24/9/19 m7

RIDAUDIN DAUD
 FOTO: SHARIFUDIN ABDUL RAHIM

KUALA LUMPUR

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) mengorak langkah baharu dalam usaha membangunkan negara dengan melancarkan Rangka Kerja Bandar Pintar Malaysia di sini semalam.

Menterinya, Zuraida Kamaruddin berkata, semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kelolaan KPKT terutamanya di kawasan bandar boleh menggunakan buku itu sebagai panduan untuk membangunkan kawasan masing-masing.

"Saya amat berharap lebih banyak PBT akan ambil langkah lebih progresif dalam meningkatkan perhubungan, komunikasi dan keberkesanan infrastruktur untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan mereka.

"KPKT sangat komited dalam memastikan kerajaan tempatan turut mengambil bahagian dalam membangunkan negara dan memajukan kawasan mereka juga," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas Majlis Pelancaran Rangka Kerja Bandar Pintar Malaysia yang turut dihadiri Timbalan Menteri KPKT, Datuk Raja Kamarul Bahrin Shah Raja Ahmad dan Ketua Setiausaha Kementerian, Datuk Seri Mohammad Mentek di sini semalam.

Bandar Pintar merupakan sebuah bandar yang menggunakan teknologi terkini dan digital dalam



Zuraida Kamaruddin (tengah) dan Raja Kamarul Bahrin Shah (dua dari kiri) dan Mohammad Mentek (dua dari kanan) bersama peserta persidangan ketika Pelancaran Rangka Kerja Bandar Pintar Malaysia di Kuala Lumpur semalam.

usaha menangani masalah lazim di bandar-bandar antaranya seperti kesesakan lalu lintas, pencemaran, ancaman keselamatan penduduk dan bencana alam.

Konsep tersebut dibawa ke negara ini untuk meningkatkan kualiti hidup masyarakat bandar dan buat masa ini, lima lokasi menjadi projek rintis iaitu Kulim, Kuala Lumpur, Johor Bahru, Kota Kinabalu dan Kuching.

Sementara itu, Mohammad berkata, kementerian menghasilkan buku tersebut bagi memberi panduan untuk PBT menyelesaikan masalah infrastruktur yang berlaku di kawasan mereka.

"Sebagai permulaan, kita telah kenal pasti lima PBT yang boleh dijadikan sebagai projek rintis dengan

inisiatif masing-masing. Contohnya Kuching, mereka akan laksanakan sistem lampu isyarat pintar.

"Ia bagi mengelakkan kesesakan dan ada juga fungsi lain. Kita ambil contoh negara maju, mereka ada sistem jauh lebih baik daripada kita yang boleh dicontohi," katanya.

Mohammad berkata, dengan perkembangan terbaru itu, beliau berharap KPKT dapat memperluaskan lagi projek tersebut dengan inisiatif dan inovasi berbeza dapat dilaksanakan di bandar-bandar berlainan.

"Kita harap pada satu masa nanti semua bandar-bandar di Malaysia akan menjadi Bandar Pintar," katanya.

Beliau berkata, selain mengoptimalkan penggunaan teknologi,

Bandar Pintar Malaysia juga tidak lupa untuk menekankan aspek penjagaan alam sekitar.

"Sebagai contoh, bagaimana untuk mengoptimalkan rangka kerja Bandar Pintar di mana ada sistem yang dibangunkan untuk meningkatkan kualiti dari segi kutipan sampah.

"Kita dapat lihat adanya penyelesaian berdasarkan daripada sistem berkenaan. Ini antara contoh-contoh bagaimana teknologi Bandar Pintar mampu memudahkan hidup masyarakat," katanya.

Menurutnya, Bandar Pintar Malaysia juga merangkumi tujuh komponen utama iaitu Ekonomi Pintar, Kehidupan Pintar, Persekitaran Pintar, Masyarakat Pintar, Kerajaan Pintar, Pengangkutan Pintar dan

Infrastruktur Digital Pintar.

Semalam berlangsung Persidangan Antarabangsa Cities 4.0 di Hotel Istana, Kuala Lumpur yang akan berakhir hari ini.

Persidangan selama dua hari itu merupakan persidangan peringkat antarabangsa mengenai Bandar Pintar yang dianjurkan secara bersama antara KPKT, Conflux Group dan Human Life Advancement Foundation (HLAF).

Bertemakan Unlocking Functional And Sustainable Cities For All, persidangan itu mengumpulkan pihak berkepentingan dan pemegang taruh termasuk daripada

agensi kerajaan, kerajaan negeri, PBT, pihak industri swasta, akademik dan pakar teknologi Bandar Pintar dari dalam dan luar negara.



Zuraida Kamaruddin (tengah), Raja Kamarul Bahrin Shah (dua dari kiri) dan Mohammad (enam dari kanan) bersama pemenang-pemenang Axiata Urban Analytics Datathon ketika Pelancaran Rangka Kerja Bandar Pintar Malaysia di Kuala Lumpur semalam.



Zuraida (tengah), Raja Kamarul Bahrin Shah (kanan) dan Mohammad (kiri) mencuba basikal dan scooter pada Pelancaran Rangka Kerja Bandar Pintar Malaysia semalam.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
24 SEPTEMBER 2019 (SELASA)

Akhbar	Berita Harian
Tajuk Berita	Rangka Kerja Bandar Pintar Selaraskan Pembangunan :PM
Muka Surat	2

Rangka Kerja Bandar Pintar selaraskan pembangunan: PM

BH 24/9/19 ms 1

Panduan pastikan keputusan kerajaan lebih jelas, ambil kira pandangan semua pihak

Oleh Zanariah Abd Mutalib
zanariah_mutalib@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kepentingan ke arah menjadikan Malaysia sebagai bandar pintar antara perkara yang menjadi keutamaan dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RM-Ke-12).

Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata gambaran bagi bandar pintar adalah bandar yang diintegrasikan dengan teknologi lestari dalam perkhidmatan bandar yang akan menambah baik keselamatan awam dan kualiti hidup rakyat negara ini.

Beliau berkata, antara teknologi itu ialah sambungan komunikasi 5G, komuniti tanpa tunai, pengangkutan awam yang efisien, penghantaran dengan dron, bangunan cekap tenaga, rawatan air dan pengurusan sampah pintar.

Bagaimanapun, katanya, pada peringkat nasional, isu utama adalah terlalu banyak pemain bandar pintar yang bekerja se-

cara sendiri, sekali gus menghalang pembangunan bandar pintar secara keseluruhannya.

"Justeru, dalam konteks ini, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sudah menyediakan Rangka Kerja Bandar Pintar Malaysia.

"Rangka kerja yang komprehensif ini mengandungi semua tiga peringkat kerajaan dan pembabit sektor swasta untuk menelaraskan pembangunan bandar pintar di Malaysia.

"Ini juga bagi memastikan panduan dan keputusan kerajaan yang lebih jelas yang mengambil kira pandangan semua pihak berkepentingan," katanya.

Beliau berkata demikian da-

lam ucapan pelancaran Rangka Kerja Bandar Pintar Malaysia serta Persidangan dan Pameran Cities 4.0 2019 di sini, semalam.

Ucapan beliau disampaikan melalui rakaman video pada majlis pelancaran itu yang turut dihadiri Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin.

Perdana Menteri berkata, seperti diketahui umum, isu pengangkutan awam adalah antara perkara yang diberi perhatian oleh rakyat dan ia perlu ditangani dengan baik.

"Matlamat saya adalah untuk menyelesaikan isu ini dengan melaksanakan inisiatif Bandar Pintar.

"Kita boleh menggunakan penyelesaian bandar digital untuk membangunkan sistem mobiliti yang berfungsi, berdaya tahan dan efisien tetapi kita mesti ingat yang matlamatnya masih mengekalkan kemakmuran dan kesejahteraan rakyat," katanya.

Dr Mahathir berkata, kerajaan memberi sokongan penuh dalam meletakkan asas bagi membina bandar pintar seperti Program Kembara Digital Malaysia yang dilancarkan baru-baru ini yang mana rakyat boleh menikmati sambungan digital yang berkualiti tinggi dan mampu milik.

"Dengan memanfaatkan Rancangan, Fiber dan Sambungan Kebangsaan, saya bercita-cita untuk melihat bandar pintar berkembang dengan efisien sebagai wilayah pintar," katanya.

Rangka kerja yang komprehensif ini mengandungi semua tiga peringkat kerajaan dan pembabit sektor swasta untuk menelaraskan pembangunan bandar pintar di Malaysia.

Dr Mahathir Mohamad,
Perdana Menteri



Zuraida melawat pameran selepas majlis pelancaran Rangka Kerja Bandar Pintar serta Persidangan dan Pameran Cities 4.0 di Kuala Lumpur, semalam.
(Foto Salhani Ibrahim /BH)



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 24 SEPTEMBER 2019 (SELASA)	
Akhbar	Berita Harian
Tajuk Berita	Panduan PBT Urus Bandar
Muka Surat	3

Rangka Kerja Bandar Pintar Malaysia

Panduan PBT urus bandar

Kerajaan, swasta
kerjasama
jadikan Malaysia
wilayah pintar

Oleh Zanariah Abd Mutalib
zanariah_mutalib@bh.com.my

Kuala Lumpur: Rangka Kerja Bandar Pintar Malaysia akan menjadi panduan kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) untuk membangunkan bandar masing-masing ke arah menjadikan Malaysia sebagai wilayah pintar.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin, berkata melalui rangka kerja itu, semua pihak berkepentingan iaitu kerajaan dan swasta akan bekerjasama dalam merealisasikan matlamat berkenaan, dan tidak lagi bekerja secara berasingan.

"Dengan adanya garis panduan ini, banyak PBT boleh mengambil inisiatif dan langkah yang lebih progresif dalam meningkatkan sambungan, komunikasi dan kecekapan infrastruktur bagi me-

tingkatkan perkhidmatan kepada rakyat.

"Kementerian sangat komited dalam memastikan PBT kita memainkan peranan aktif dalam membangunkan negara melalui langkah memantapkan kerajaan tempatan masing-masing," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas majlis pelancaran Rangka Kerja Bandar Pintar Malaysia serta Persidangan dan Pameran Cities 4.0 2019 di sini, semalam.

Rangka Kerja Bandar Pintar Malaysia mempunyai tujuh kandungan rangka kerja iaitu Cabaran Bandar Utama, Dasar, Strategi, Penyusunan Tadbir Urus, Inisiatif, Contoh Antarabangsa, Projek Perintis dan Penunjuk.

ia mengandungi 16 hala tuju dasar dengan lima bandar dijadikan sebagai bandar perintis bagi inisiatif khusus, iaitu Kuala Lumpur, Kota Kinabalu, Johor Bahru, Kuching dan Kulim, Kedah.

Zuraida berkata, rangka kerja berkenaan tidak diwajibkan kepada PBT untuk dilaksanakan tetapi sebagai panduan kepada mereka mencapai sasaran yang ditetapkan mengikut peringkat ma-

ning-masing kerana setiap PBT mempunyai visi dan aspirasi sendiri.

"Kita tidak mempunyai tempoh masa yang ditetapkan dan ia sentiasa berjalan. Biar rangka kerja ini dilaksanakan dulu dan kita lihat peringkat pencapaiannya, sebelum kita menetapkan sasaran kita di peringkat negara," katanya.

Mengenai pemain bandar pintar yang bekerja secara berasingan sehingga menghalang matlamat bandar pintar, Zuraida berkata ia membabitkan banyak segmen, antaranya komunikasi, keselamatan, undang-undang dan kewangan.

"Mereka bekerja secara berasingan kerana kita tidak mempunyai pelan digital induk atau data raya bagi menghubungkan syarikat terbabit. Dengan rangka kerja ini, saya harap mereka boleh bekerjasama dan membuah hasil lebih baik," katanya.

Zuraida berkata, setakat ini, enam bandar sudah mengumumkan inisiatif ke arah bandar pintar iaitu Johor Bahru, Johor; Kota Kinabalu, Sabah; dan Kuching, Sarawak selain di Selangor, Pulau Pinang dan Melaka.

Mengenai cadangan Kempen Pemilikan Rumah bagi rumah mewah yang tidak terjual, Zuraida berkata ia terbuka kepada semua pembeli antarabangsa, bukan kepada pembeli dari China sahaja.

"Saya perlu perbetulkan kerana mereka terus mengatakan ia untuk pembeli dari China, ia tidak benar, kami menawarkan kepada semua pembeli antarabangsa yang menyertai Program Malaysia Rumah Keduaku," katanya.

Sementara itu, pada sidang media majlis pra pelancaran Kempen Pemilikan Rumah Mampu Milik petang semalam, Zuraida berkata terdapat 48,585 unit rumah berharga RM300,000 ke bawah di seluruh negara yang masih belum terjual.

Beliau berkata, berdasarkan Laporan Suku Pertama 2019 oleh Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC), jumlah itu merangkumi 36,512 unit rumah dalam pembinaan dan 12,073 unit rumah yang sudah siap.

"Masalah utama rumah berkenaan tidak terjual adalah kegagalan pemohon terutama daripada golongan B40 dan M40 untuk mendapatkan pinjaman bank," katanya.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 24 SEPTEMBER 2019 (SELASA)	
Akhbar	Berita Harian
Tajuk Berita	Gantung Lesen Peniaga Pasar Malam
Muka Surat	3

Gantung lesen peniaga pasar malam degil

Kuala Lumpur: Peniaga pasar malam yang gagal mematuhi garis panduan baharu pasar malam akan menghadapi penggantungan lesen selama sebulan apabila peraturan itu dikuatkuasakan sepenuhnya pada 2021.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin, berkata garis panduan itu akan terpakai di semua pasar malam serta pasar tani dan pasar harian di seluruh negara.

Beliau berkata, langkah itu dilaksanakan bagi menyeragamkan sistem pengurusan di tapak niaga berkenaan, membabitkan kerjasama pihak berkuasa tempatan (PBT) dan persatuan peniaga.


"Ia dilaksana bagi membolehkan pasar malam menjadi lebih terurus, ceria, bersih dari sebarang sampah sarap serta selamat. Sebelum ini garis panduan pasar tani, pasar malam dan pasar harian, memang ada undang-undang kecil dia, tetapi ia tidak diselaraskan.

"Setiap PBT lain dan berbeza-beza dan kita lihat keperluan untuk penyeragaman," katanya pada sidang media selepas merasmikan garis panduan pasar malam di tapak Pasar Malam Keramat Permai, Ampang, petang semalam.

Zuraida berkata, kementeriannya akan meneruskan siri pertemuan dan perbincangan dengan semua PBT di setiap negeri bagi melihat keupayaan mereka dalam melaksanakan garis panduan baharu itu.

Beliau berkata, perkara utama dalam garis panduan baharu itu ialah susun atur gerai, pencahayaan menggunakan lampu diod pemancar cahaya (LED), sistem bekalan elektrik dan air serta pengurusan sampah.

"Ketika ini kita baru buat garis panduan, belum buat penguatkuasaan. Sekarang boleh buat ikut kemampuan PBT. Kita akan masukkan dalam Rancangan Malaysia Ke-12. Kalau rancang penguatkuasaan pada 2021," katanya.

 **Ia dilaksana bagi membolehkan pasar malam menjadi lebih terurus, ceria, bersih dari sebarang sampah sarap serta selamat.**

Zuraida Kamaruddin,
Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 24 SEPTEMBER 2019 (SELASA)	
Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	KPKT Lancar Rangka Bandar Pintar Malaysia
Muka Surat	7